

KHUTBAH JUMAAT: KESAN IBADAH HAJI

PENGARANG: NURHELMI B. HJ. IKHSAN

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan lagi ketaqwaan kehadiran Allah s.w.t. dalam bulan yang penuh kemuliaan dan barakah ini, mudah-mudahan kita akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi kualiti ibadah dengan rasa penuh kuhsyu' dan tawaddhu' sebagai bukti untuk menzahirkan segala kesyukuran di atas segala limpahan nikmat dan kasih sayang-Nya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Ibadah haji yang disyariatkan Allah s.w.t. pada bulan Zulhijjah setiap tahun adalah rukun Islam yang kelima. Dalam bulan ini terlalu banyak sejarah, peristiwa, teladan dan pengajaran yang berlaku dalam sejarah perkembangan Islam dan boleh kita ambil manfaat bukan sahaja sebagai iktibar semata-mata, malah ianya lebih daripada itu seperti tuntutan untuk mengerjakan ibadah haji bagi mereka yang berkemampuan tetapi masih lagi berlengah-lengah untuk mengerjakannya. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

Maksudnya: Barangsiapa yang memiliki bekalan dan kemudahan yang boleh menyampaikan ia kepada Baitullah al-Haram, tetapi tidak menunaikan hajinya, maka tidaklah ia mati melainkan sebagai seorang Yahudi atau Nasrani.

(riwayat Termizi).

Menerusi hadis ini jelas membayangkan betapa pentingnya ibadah haji yang dituntut ke atas seseorang yang berkemampuan dan mempunyai kesihatan yang baik, di samping kemudahan untuk pergi menjadi tetamu Allah, sehinggakan Rasulullah menggambarkan kepada mereka yang masih lagi enggan dan berlengah untuk menunaikan ibadah ini, dikhuatiri apabila ia meninggal dunia kelak sebagai seorang Yahudi atau Nasrani. Hadis ini

ditujukan kepada mereka yang terlalu mementingkan serta mengejar kehidupan duniawi dan kebendaan, tetapi masih lagi lalai dengan tuntutan agama. Sedangkan kita ketahui bahawa Allah itu Maha Besar dan Dialah yang memberi rezeki kepada kita. Oleh itu, adalah amat wajar untuk kita menyatakan kesyukuran dengan mengorbankan sedikit harta dan tenaga untuk menunaikan tanggungjawab seorang Muslim dengan menunaikan rukun Islam yang kelima ini.

Kita sendiri tidak pasti dan tidak mempunyai jawapan yang tepat adakah masih mempunyai peluang untuk mengerjakan ibadah yang sangat istimewa ini jika tidak melaksanakannya pada tahun ini. Mempunyai azam dan cita-cita sahaja belum mencukupi untuk kita melengkapkan rukun Islam yang kelima ini dan ibadah yang telah disyariatkan semenjak zaman Nabi Ibrahim a.s. lagi. Justeru, usaha yang jitu dan tekad yang kuat perlu disemadikan dalam sanubari agar kita juga dapat merasai kenikmatan berkunjung ke Baitullah, InsyaAllah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bagi mereka yang berpeluang dan berkesempatan mengerjakan ibadah haji pada tahun ini, terlalu banyak hikmah dan nikmat yang sudah pasti tidak mudah untuk digambarkan kerana berpeluang menjadi tetamu Allah s.w.t. Tetapi bagi kita yang masih belum berpeluang, marilah kita renungi bersama kesan atau pengajaran ibadah haji ini melalui perspektif yang lain kerana ia amat berkait rapat dengan kehidupan kita di alam yang lain.

Pengajaran dari ibadah haji sebenarnya membawa kita melihat dari sudut kaca mata hati, bagaimana ianya merupakan percubaan atau satu proses bagi seseorang hamba yang masih lagi hidup di bumi Allah ini ke arah kematian sebelum kita menghadapi kematian yang sebenarnya apabila dicabut roh dari jasad oleh malaikat maut.

Pertama, ibadah haji yang dikerjakan dengan hati yang tulus mengharapkan keredhaan Ilahi, sebenarnya adalah merupakan satu jihad yang dilihat bukan

sahaja pengorbanan oleh seseorang insan dari aspek material melalui wang ringgit dan harta semata-mata, tetapi juga dari aspek spiritual. Hanya mereka yang mempunyai jiwa yang kuat, sanggup dan mampu untuk mengorbankan secara sementara segala kesenangan dan kenikmatan dunia dengan meninggalkan ahli keluarga yang dikasihi dan harta yang diusahakan untuk pergi ke rumah Allah dengan penuh rasa rendah diri dan kecintaan yang abadi kepada-Nya. Sabda Rasulullah s.a.w.:

Maksudnya: Dari Aisyah r.a. katanya: Aku bertanya kepada Rasulullah s.a.w. : Ya Rasulullah, menurut kamu jihad itu adalah amal yang paling utama. Jika begitu, tidakkah kami akan berjihad. Sabda baginda: Bagi kamu semua ada jihad yang lebih utama iaitu haji yang mabrur.

(riwayat Bukhari dan Muslim).

Kedua, mandi sunat ihram. Mandi sunat ihram dilakukan adalah untuk membersihkan serta menyucikan tubuh badan dari segala kecemaran dan kekotoran sebelum seseorang itu memakai ihram. Ia memberi gambaran kepada kita bagaimana seseorang yang telah meninggal dunia dimandikan iaitu mandi jenazah sebelum ia dikafankan untuk menghadap Tuhan yang Esa. Begitulah persamaan yang tersirat yang terdapat pada mandi sunat ihram. Selesai mandi sunat, ia akan memakai kain putih iaitu ihram untuk menjadi tetamu Allah dalam keadaan yang suci bersih.

Ketiga, pakaian ihram. Pakaian ihram ini boleh digambarkan sebagai kain kafan yang menyaluti jenazah orang yang telah pergi menyahut seruan Ilahi. Kain yang berwarna putih ini sebenarnya membentuk dan menyemai semangat persamaan ke dalam jiwa setiap orang mukmin. Mereka memakai ihram dalam tempoh masa yang sama dan pada tempat yang sama. Dengan itu akan lenyaplah segala perbezaan antara orang yang berpangkat dan berdarjat dengan yang sederhana, yang kaya dengan yang miskin, yang datang dari seluruh pelusuk dunia dengan warna kulit, bahasa dan budaya yang berbeza. Kesemua mereka adalah sama tarafnya sebagai hamba disisi Allah melainkan mereka yang benar-benar beriman, bertaqwa dan beramal soleh.

Keempat, berkumpul di padang Arafah. Perkumpulan umat Islam yang ramai di padang Arafah dalam satu masa ini menggambarkan kepada kita yang masih hidup di dunia ini bagaimana berkumpulnya semua umat manusia di padang mahsyar pada hari akhirat kelak. Ketika itu segala amalan di dunia akan dihitung dan dihisab dengan begitu adil oleh Mahkamah Ilahi. Berkumpulnya umat Islam di padang Arafah pada musim haji pada satu masa merupakan hanya sebahagian kecil sahaja dari keseluruhan umat manusia dan ianya hanya satu gambaran kecil kepada peristiwa di padang mahsyar kelak.

Kelima, melontar jamrah. Ia membawa pengertian yang amat besar sekiranya diselami hikmahnya. Pengajaran yang boleh diambil di sini adalah menunjukkan bagaimana jemaah haji yang melontar jamrah itu menyatakan melalui hati tentang perasaan benci kepada perkara mungkar yang datangnya dari hasutan syaitan dan hawa nafsu. Itulah bukti keazaman dan jihad para jamaah untuk memperbaiki dan membersihkan diri daripada sebarang perlakuan maksiat dan disematkan ke dalam jiwa yang suci bersih dihadapan Tuhan-Nya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Untuk itu, jelas kepada kita bahawa ibadah haji merupakan satu perhimpunan atau perjumpaan agung bagi umat Islam seluruh dunia. Selain dapat berkenal-kenalan, mewujudkan perpaduan, mengeratkan persaudaraan, ia juga mempunyai hikmah atau kesan yang mendalam kepada mereka yang mahu mengambil pengajaran. Bagi mereka yang belum berpeluang, usahlah ditangguh lagi. Peluang mengerjakan ibadah haji hanya dalam tempoh waktu yang tertentu sahaja, kita tidak pasti adakah kita masih mempunyai peluang tersebut pada masa dan tahun yang akan datang. Bersegeralah untuk menjadi tetamu Allah dengan lafaz talbiah yang sentiasa menggamit perasaan.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ
التَّائِبِينَ .